

SUKAN MALAYSIA IX, 2002
PERATURAN PERTANDINGAN MENEMBAK
(LELAKI & WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang "**International**" **Shooting Sports Federation (ISSF)**.
- 1.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan atau Undang-Undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
 - 1.3.2 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-Undang International Shooting Sports Federation (ISSF).
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa teknikal dan Pertandingan Menembak SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

04 Sept hingga 11 Sept, 2002.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Lapang Sasar Lok Kawi
Kota Kinabalu
Sabah.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap Negeri, PDRM dan MASUM hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan Lelaki dan satu (1) pasukan Wanita terdiri daripada :-

	Pasukan Lelaki	Pasukan Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	2 orang	2 orang
Pengadil	1 orang	-
Peserta	21 orang	15 orang
	25 orang	17 orang

- 4.3 Setiap pasukan hanya boleh mendaftarkan tiga (3) orang peserta lelaki dan tiga (3) peserta wanita bagi acara-acara perseorangan dan berpasukan.

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.
- 5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.

- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran betulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat biasiswa/dermasiswa daripada Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang peserta negara hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.11.

6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau Pasport Antarabangsa yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 ACARA-ACARA

- 7.1 Acara-acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut :-

Lelaki

7.1.1	Air Riffle	10M	-	Lelaki (Individu & berpasukan)
7.1.2	Air Pistol	10M	-	Lelaki (Individu & berpasukan)
7.1.3	SB Free Riffle Prone - 60 shots	50M	-	Lelaki (Individu & berpasukan)
7.1.4	SB Free Riffle (Individu & 3 position - 3 x 40 shots	50M	-	Lelaki berpasukan)
7.1.5	Free Pistol	50M	-	Lelaki (Individu & berpasukan)
7.1.6	Sports Pistol	25M	-	Lelaki (Individu & berpasukan)
7.1.7	Rapid Fire Pistol	25M	-	Lelaki (Individu & berpasukan)
7.1.8	Standard Pistol	25M	-	Lelaki (Individu & berpasukan)
7.1.9	Skeet		-	Lelaki (individu & berpasukan)
7.1.10	Trap		-	Lelaki (individu & Berpasukan)

Wanita

7.1.11	Air Riffle	10M	-	Wanita (Individu & berpasukan)
7.1.12	Air Pistol	10M	-	Wanita (Individu & berpasukan)

7.1.13 Sport Pistol	25M -	Wanita (Individu & berpasukan)
7.1.14 SB Sports Riffle Prone - 60 shots	50M -	Wanita (Individu & berpasukan)
7.1.15 SB Sports. Riffle 3 position - 3 x 20 shots	50M -	Wanita (Individu & berpasukan)

8.0 PAKAIAN PESERTA

- 8.1 Setiap peserta hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan mengikut Undang-Undang ISSF dalam General Technical Rules dan Special Technical Rules.
- 8.2 Para pengadil dan Hakim Pertandingan mestilah memakai lencana atau tanda pengenalan diri.
- 8.3 Bagi peserta menembak Riffle hendaklah memakai nombor di belakang jeket. Bagi peserta penembak Pistol hendaklah memakai nombor di belakang baju.
- 8.4 Adalah dibenarkan peserta-peserta memakai pakaian lain, alat-alat seperti kasut, cermin mata dan sebagainya mengikut apa yang dibenarkan oleh Undang-Undang UIT.
- 8.5 Ketua Pengadil berhak menegur mana-mana Pegawai atau peserta yang tidak mengikut peraturan.

9.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 9.1 Pertandingan akan dijalankan serentak bagi setiap acara. Sekiranya tapak menembak tidak mencukupi, 'detail' kedua dan seterusnya akan diadakan.
- 9.2 Masa pertandingan adalah mengikut Undang-Undang ISSF.

- 9.3 Pemeriksaan senjata dan peralatan menembak mengikut Undang-Undang ISSF akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan dimulakan.
- 9.4 Pertandingan 13 acara ini hendaklah diadakan tidak kurang dari 4 hari berturut-turut.

10.0 PENGADIL (HAKIM, PEGAWAI) PERTANDINGAN

- 10.1 Setiap pasukan dikehendaki membawa seorang (1) Pengadil yang bertauliah bersama-sama pasukannya setelah dipersetujui oleh Persatuan Menembak Kebangsaan Malaysia.
- 10.2 Pengarah Pertandingan dan Delegasi Teknikal akan dilantik oleh Persatuan Menembak Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa teknikal dan Pertandingan SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
- 10.3 Persatuan Menembak Malaysia boleh melantik Pengadil-Pengadil Tambahan dengan persetujuan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKAN MALAYSIA IX, 2002 sekiranya didapati perlu.
- 10.4 Pengarah Pertandingan/Teknikal Delegat mempunyai kuasa melantik Pengadil-Pengadil yang bertauliah untuk bertugas di sepanjang pertandingan.
- 10.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengadil dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

11.0 BANTAHAN/TATATERTIB

- 11.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00.

- 11.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 11.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah/Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan pertandingan diumumkan.
- 11.4 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima bantahan rasmi Pengarah Pertandingan dan membuat keputusan.

12.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 12.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah sebagai yang diamalkan oleh Persekutuan Menembak Kebangsaan Malaysia seperti berikut :-

12.1.1 Pengarah Pertandingan/Wakilnya

12.1.2 Ketua Deleгат Teknikal/Wakilnya

12.1.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan/tatatertib itu.

13.0 HADIAH-HADIAH

- 13.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut :-

	EMAS	PERAK	GANGSA
Lelaki			
Air Riffle (Individu)	1	1	1
Air Riffle (Berpasukan)	1	1	1
Air pistol (Individu)	1	1	1

Air pistol (Berpasukan)	1	1	1
Free pistol (Individu)	1	1	1
Free pistol (Berpasukan)	1	1	1
Rapid Fire Pistol (Individu)	1	1	1
Rapid Fire Pistol (Berpasukan)	1	1	1
Sports Pistol (Individu)	1	1	1
Sports Pistol (Berpasukan)	1	1	1
SB Free Riffle Prone (Individu)	1	1	1
SB Free Riffle Prone (Berpasukan)	1	1	1
SB Fire Riffle 3 Position (Individu)	1	1	1
SB Fire Riffle 3 Position (Berpasukan)	1	1	1
Standard Pistol (individu)	1	1	1
Standard Pistol (Berpasukan)	1	1	1
Skeet (Individu)	1	1	1
Skeet (Berpasukan)	1	1	1
Trap (Individu)	1	1	1
Trap (Berpasukan)	1	1	1
JUMLAH	20	20	20

	EMAS	PERAK	GANGSA
Wanita			
Air Riffle (Individu)	1	1	1
Air Riffle (Berpasukan)	1	1	1
Air pistol (Individu)	1	1	1
Air pistol (Berpasukan)	1	1	1
Sport pistol (Individu)	1	1	1
Sport pistol (Berpasukan)	1	1	1
SB Sports Riffle Prone (Individu)	1	1	1
SB Sports Riffle Prone (Berpasukan)	1	1	1

SB Sports Riffle 3 Position (Individu)	1	1	1
SB Sports Riffle 3 Position (Berpasukan)	1	1	1
JUMLAH	10	10	10

13.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan oleh :
 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
 SUKAN MALAYSIA IX, 2002
peraturan am sukma 2002/menembak/081001/dila